

CNS4262

R GB 31-01 00177 BC635

bah

Mahathir - Hotel

PEMBINAAN HOTEL UNTUK ATASI MASALAH KEKURANGAN BILIK DI LANGKAWI

LANGKAWI, 31 Jan (Bernama) -- Sebuah hotel yang boleh disiapkan dengan cepat, mungkin didirikan di sini sebagai langkah untuk mengatasi masalah kekurangan bilik penginapan semasa Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (Lima 93) yang akan diadakan hujung tahun ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sungguhpun bilangan bilik penginapan telah bertambah sejak LIMA 91 tetapi bilangannya perlu ditambah bagi menampung peserta dan pengunjung pameran itu.

"Walaupun bilangan bilik sudah bertambah tetapi kebanyakan bilik sudah ditempah oleh pelancong yang akan datang ke sini, terutama dari Eropah," katanya pada persidangan akhbar selepas mengakhiri lawatan seharinya ke sini hari ini.

Katanya, sebagai contoh, sebuah hotel yang mempunyai 230 bilik di sini hanya dapat menawarkan 83 daripada biliknya semasa LIMA kerana semua bilik lain sudah ditempah.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak tahu berapa banyak bilik yang diperlukan lagi bagi menampung permintaan semasa LIMA tetapi jumlahnya akan diketahui apabila tarikh LIMA semakin hampir. -- Lagi

731/01/19-17MST

CNS4264

R GB 31-01 00166 BC636

bah

Mahathir - Hotel 2 Langkawi

Ketika ditanya mengenai kemungkinan pihak penganjur LIMA tahun ini mengulangi kesalahan penganjur LIMA 91 yang dikatakan gagal menyediakan tempat penginapan untuk sesetengah peserta LIMA, beliau berkata: "Itu kesalahan pihak penganjur (LIMA 91) yang berbutang kepada hotel. Jadi pihak hotel tidak begitu berminat untuk membenarkan mereka membuat tempahan.

"Tapi kali ini pihak penganjur bukan semata-mata yang lama tetapi mereka mengadakan usaha sama dengan sebuah syarikat pameran dari Eropah. Jadi kita harapkan mereka dapat meyakinkan hotel-hotel bahawa mereka akan membayar."

Ketika ditanya sama ada kerajaan akan menyerahkan kepada pengusaha lain projek-projek hotel yang telah diluluskan tetapi belum dimulakan pembinaannya, beliau berkata, sukar bagi kerajaan untuk menyerahkan projek itu kepada orang lain jika tanah untuk projek itu adalah milik pengusaha itu.

Katanya, kebanyakan pemilik tanah berkenaan tidak mempunyai modal tetapi ramai daripada mereka sedang berusaha untuk mendapatkan rakan kongsi.

"Kalau lama sangat (projek tidak dijalankan) kita terpaksa batalkan," katanya. -- Lagi

▼31/01/19-19MST

CNS4266

R GB 31-01 00152 BC637

bah

Mahathir - Hotel 3 Langkawi

Perdana Menteri berpuas hati dengan pembangunan pulau peranginan ini secara keseluruhannya dan memuji langkah seorang pengusaha yang mendirikan taman buaya, yang belum siap sepenuhnya di Datai.

Pengusaha taman buaya itu telah membawa masuk 1,000 ekor buaya yang berusia antara enam bulan dan 23 tahun untuk dipamer dan dibiakkan di taman itu.

Dr Mahathir juga berpuas hati dengan kadar sewa bilik penginapan di sini yang memuruknya kini lebih berpatutan dan tidak mendapat banyak sungutan daripada pelancong.

Beliau mengingatkan peniaga di sini supaya tidak bersikap ingin mengaut keuntungan dengan cepat dengan mengenakan harga yang terlalu mahal.

Katanya, sekiranya peniaga mengenakan harga yang terlalu mahal pelancong tidak datang lagi kali kedua dan berlaku inflasi yang menyebabkan kenaikan harga bagi semua barangan.

Beliau juga berpuas hati kerana kebanyakan hotel telah mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan kemudahannya. -- Lagi

▼31/01/19-20MST

R GB 31-01 00245 BC638

bah

Mahathir - Hotel 4 (Akhir) Langkawi

Sehubungan itu beliau mencadangkan supaya chalet-chalet yang lama mengadakan usaha sama dengan pihak yang mempunyai modal supaya taraf mereka dapat ditingkatkan dan pencemaran laut tidak berlaku.

"Kalau mereka tidak jaga supaya laut bersih, akhirnya mereka akan hilang pelangan," katanya.

Ketika ditanya sama ada langkah Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) mengadakan perkhidmatan feri penumpang mulai Mei ini akan membantu mengatasi masalah feri, beliau berkata, langkah itu akan dapat mengatasi masalah itu bagi tempoh waktu tertentu sahaja dan sekiranya pelancong bertambah, masalah akan timbul lagi.

Katanya, setiap kali beliau melawat ke pulau ini ada sahaja rungutan seperti bekalan elektrik dan air yang tidak mencukupi akibat kedatangan pelancong yang terlampau ramai.

"Inilah masalahnya kerana berjaya," tambah beliau.

Perdana Menteri yang tiba di sini petang semalam turut melawat beberapa projek seperti hotel 120 bilik di Teluk Datai dan taman buaya pada petang semalam.

Hari ini beliau melawat beberapa projek lagi termasuk sebuah hotel di Teluk Burau, tapak pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah Langkawi yang baru dan tapak pembinaan rumah kediaman pegawai-pegawai kerajaan Persekutuan dan Negeri di Jalan Kisap, Kuah serta beberapa hotel bertaraf sederhana yang telah disiapkan.

Dalam lawatan itu beliau diiringi oleh Anggota Exco Kerajaan Negeri, Datuk Abu Bakar Taib, yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri Kawasan Langkawi, Pegawai Daerah Langkawi, Ku Nahar Ku Ibrahim dan Pengurus Besar LADA, Haji Halil Abdul Mutalib. -- Bernama

▼31/01/19-22MST